

Parlimen mahasiswa

»MPP mahu pentas untuk bincang isu kebajikan penuntut IPT

Oleh Nor Azma Laila
norazma@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Sejajar dengan kematangan mahasiswa dalam membincang dan memperjuangkan hak penuntut institusi pengajian tinggi (IPT), kebanyakan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) yang dipilih menerusi Pilihan

Raya Kampus (PRK), baru-baru ini, menentangkan isu penubuhan Parlimen Mahasiswa sebagai agenda utama kepimpinan mereka.

Penubuhan itu diharap memberi ruang dan pentas yang konkrit kepada mahasiswa dan MPP untuk membentangi dan membincangkan mengenai pelbagai isu termasuklah hal berkaitan kebijakan, kepimpinan, penganjuran program dan aktiviti sukarela.

◉ Varsiti 2

Hala tuju MPP 2014

◉ Dari muka 1

Penubuhan parlimen atau Dewan Mahasiswa di Universiti Kebangsaan Malaysia yang dianggotai ahli MPP serta ketua persatuan di kolej kediaman dan fakulti diharap dapat memberi ruang kepada mereka untuk berdiskusi mengenai pelbagai isu.

Yang Dipertua Persatuan Mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia (PMUKM), Mustapha Kamil Husen Abdul Kadir, berkata Dewan Mahasiswa itu dijangka bersidang buat kali pertama pada 18 Disember ini bagi membentangi belanjawan PMUKM.

"Melalui dewan ini, kami berharap dapat menghidupkan lagi semangat kesatuan dalam kalangan mahasis-

wa UKM sekali gus menjadi pentas kepada mahasiswa menyalurkan idea, masalah dan pandangan mereka dalam pelbagai isu untuk dibincangkan bersama.

"Kita mahu mahasiswa di kolej, fakulti dan persatuan bersama-sama kita dalam mencapai misi dan visi universiti. Jika MPP saja yang bersungguh-sungguh dalam merealisasikan hasrat serta pandangan mahasiswa, ia tidak akan memberikan hasil yang memuaskan," katanya.

Wakil pelajar

Sementara itu, Yang Dipertua MPP Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) Gombak, Muhammad Fikri Ahmad, berkata pihaknya juga dalam proses membuat cadangan untuk menubuh-

kan Parlimen Mahasiswa sebagai pentas membincangkan pelbagai isu dibangkitkan penuntut UIAM.

"Parlimen itu dijangka mempunyai Speaker dan Timbalan Speaker Dewan, Ketua Dewan dan wakil persatuan yang terdapat di kolej dan fakulti.

"Parlimen ini juga akan dijadikan pentas untuk kita berkongsi hala tuju dan agenda yang ingin dibawa oleh kepimpinan MPP kali ini bagi membantu mahasiswa dalam pelbagai aspek termasuk kebajikan," katanya.

Selain itu, pihaknya juga dalam perancangan untuk menubuhkan Kompleks Mahasiswa bagi membolehkan pelajar mempunyai tempat khusus untuk mengadakan mesyuarat, perjumpaan atau pelbagai aktiviti yang dianjurkan MPP atau persatuan kolej dan fakulti.

"Kompleks ini dijangka dikawal selia sepenuhnya oleh mahasiswa bagi memudahkan kami mengembangkan idea terutama dalam aspek kepimpinan

dengan dilengkapi pelbagai kemudahan antaranya bilik mesyuarat, mini auditorium dan ruang diskusi.

"Kita turut bercadang menentangkan isu sukarrelawan dalam kalangan mahasiswa kepada kepimpinan kali ini dengan memperbanyakan lagi program sukarela bagi membolehkan mereka lebih dekat dengan masyarakat sekali gus melahirkan mahasiswa yang mempunyai nilai murni tinggi," katanya.

Agenda MPP USIM

Yang Dipertua MPP Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Muhammad Azmil Abu Seman, berkata kepimpinan kali ini memberi tumpuan kepada empat agenda utama iaitu akademik dan intelektual, kebajikan, sahsiah dan kemahiran insaniah.

Katanya, melalui aspek akademik dan intelektual, pihaknya akan berusaha untuk memperkasa Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar di USIM, meningkatkan tahap kecemerlangan akademik dalam kalangan

mahasiswa dan membentangi mahasiswa minda kelas pertama melalui kepelbagaian program intelektual berintegrasikan ilmu naqli dan aqli.

"Aspek kebajikan pula MPP akan berperanan sebagai pemudah cara antara mahasiswa dan pentadbiran, menitikberatkan aspek keselamatan pelajar dalam dan luar kampus serta berusaha untuk mengusulkan penambahbaikan infrastruktur dan kemudahan kampus serta kolej kediaman.

"Melalui aspek sahsiah pula, kepimpinan kali ini akan berusaha untuk menyuburkan biah Islamiah di USIM dan memperkasa akhlak Muslim dalam kalangan mahasiswa, manakala aspek kemahiran insaniah pula dijangka diberi tumpuan bagi menggalakkan mahasiswa membabitkan diri secara aktif dalam kegiatan bersatuan dengan pergerakan persatuan, kelab, urus setia dan sekretariat supaya lebih proaktif dan kompetitif," katanya.